

Liow Tidak Dapat Sahkan Namun Akan Pulang Secepat Mungkin
Bernama
July 17, 2014

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata buat masa ini beliau tidak dapat mengesahkan laporan berita berhubung sebuah pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17 yang terhempas di Ukraine berdekatan sempadan Rusia pada Khamis.

Bagaimanapun, beliau akan bergegas pulang ke Kuala Lumpur secepat mungkin daripada lawatannya rasminya di Beijing ketika ini.

"Saya tidak dapat sahkan berita itu. Malaysia Airlines (MAS) akan mengeluarkan kenyataan. Namun saya akan kembali ke Malaysia secepat mungkin kerana saya perlu tangani perkara ini dengan segera," katanya ketika dihubungi Bernama.

Liow berada di China untuk bertemu rakan sejawatannya dan berbincang berhubung usaha mencari pesawat MAS Penerbangan MH370 yang hilang pada 8 Mac lalu.

Selepas China, Liow juga akan melawat Australia untuk bertemu wakil tiga negara untuk berbincang mengenai tindakan selanjutnya berhubung misi pencarian pesawat MAS Penerbangan MH370.

Berdasarkan laporan Reuters, sebuah pesawat MAS yang membawa 295 penumpang terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia pada Khamis, agensi berita Interfax memetik sumber industri penerbangan sebagai berkata.

Pesawat Boeing itu sedang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur, kata laporan itu.

Reuters tidak dapat mengesahkan laporan berita itu.

Laporan Interfax berkata kedudukan pesawat itu terhempas 50km tidak jauh daripada ruang udara Rusia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054401>